

**SPEECH OF MDM RAHAYU MOHAMAD, PRESIDENT PPIS
PPIS CONVERSATION WITH MUFTI 2017**

Hak dan Status anak angkat & anak titipan serta Peranan masyarakat
Rights and Status of adopted & foster children (in Islam) and Role the society play
Saturday 15 July 2017, 9.30am – 11.30pm
Lifelong Learning Institute Event Hall 1 – Level 1

Yang saya hormati, Sohibussamahah

Tuan Mufti, Dr Mohamed Fatris Bakaram,

CEO PPIS, Mohd Ali Mahmood,

Rakan-rakan Ahli Lembaga Pentadbiran PPIS,

Dan para peserta majlis hari ini.

Selamat pagi dan selamat hari raya! Terima kasih kerana
meluangkan masa untuk menghadiri majlis hari ini.

Izinkan saya memulakan ucapan ini dengan menyentuh
perihal titipan dan pengambilan anak angkat, sebagai
tujuan forum ini diadakan. Saya juga akan berkongsi
beberapa isu dan keprihatinan berkaitan dengan topik
ini.

Hadirin dan hadirat sekalian, anak titipan dan anak angkat dalam Islam bukanlah suatu konsep yang baru. Ia adalah amalan yang wujud pada zaman Rasulullah s.a.w. Contohnya Rasulullah s.a.w sendiri telah dititipkan kepada seorang ibu susuan semasa waktu bayinya. Dan setelah Rasulullah s.a.w dewasa dan berumahtangga, baginda sendiri telah menjadikan Zaid bin Haritha sebagai anak angkat beliau yang amat disayanginya. Begitu juga tradisi dikalangan masyarakat Melayu kita, pada waktu dahulu, ramai keluarga Melayu yang mengambil anak-anak dari bangsa lain untuk hidup bersama sebagai ahli keluarga.

Dalam konteks situasi keluarga hari ini yang amat mencabar, ramai kanak-kanak yang memerlukan sistem keluarga yang stabil, yang tidak diketemukannya di dalam keluarga asal mereka sendiri. Ini mungkin disebabkan kematian ibu atau bapa, keganasan dan penderaan,

ibubapa yang dipenjara atau ibubapa yang menghilangkan diri.

Malah kami difahamkan bahawa masih ramai kanak-kanak Muslim di Singapura yang memerlukan penjagaan dari keluarga titipan.

Sebagai sebuah organisasi yang mendukung kepentingan kekeluargaan, PPIS perlu memberikan sokongan kepada anak-anak ini. Begitu juga kepada keluarga-keluarga mulia yang bersedia membuka rumah dan hati mereka untuk menerima anak-anak ini sebagai sebahagian dari keluarga mereka. Inilah yang menjadi motivasi kerjasama PPIS dengan pihak **KEMENTERIAN PEMBANGUNAN SOSIAL DAN KELUARGA** untuk mengendalikan **AGENSI TITIPAN, PPIS OASIS**, yang akan mula beroperasi pada suku ketiga 2017 ini Insha'Allah.

Namun, kami juga sedari, di sana wujud kerisauan dan keprihatinan di kalangan masyarakat khususnya dikalangan ibubapa angkat dan titipan; yang sedia ada dan juga bagi mereka yang berminat; tentang isu hukum-hakam yang bersangkutan dengan penjagaan dan hak anak-anak ini sebagai anak angkat dan titipan.

Atas dasar itu, forum ini diadakan untuk memberikan ruang dan peluang bagi kita sama-sama mendapatkan penjelasan dan bertukar-tukaran fikiran .

Alhamdulillah, PPIS amat berbesar hati atas kesudian Sohibusamahah Tuan Mufti untuk berkongsi pandangan dan garis panduan dari kacamata Islam tentang pengambilan anak angkat dan anak titipan. Semoga ilmu yang diraih ini dapat diguna pakai dan dikongsi bersama ahli keluarga dan rakan-rakan anda.

Saya ingin mengundang anda dan juga masyarakat Islam untuk tampil ke hadapan dan mendaftarkan diri bersama PPIS jika anda bersedia untuk menjadi ibubapa titipan.

Mudah-mudahan, usaha kita ini menjadi amalan yang diberkati dan dibalas dengan sebaik-baik balasan di dunia dan akhirat. Ameen.

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, terimalah serangkap pantun.

Burung merpati megejar bayang,
Terbang berkawan tiga dan lapan,
Bukalah hati, semaikan sayang,
Beri sentuhan keluarga titipan.

Terima kasih.

<Wassalam>